
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2000/2001

Februari/Mac 2001

AFP 365 - Kewangan Antarabangsa

Masa : 3 jam

ARAHAN

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **LIMA** muka surat bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab **LIMA** soalan.

[AFP365]

Soalan 1

- (a) Beberapa negara memilih untuk menggunakan sistem tukaran asing tetap. Bincangkan kenapa mereka berbuat demikian, dan apakah implikasi-implikasinya.
- [6 markah]
- (b) Pada Julai 1944, wakil dari 44 buah negara berkumpul di Bretton Woods, New Hampshire, untuk membincang and menggubal sistem kewangan antarabangsa selepas era perang, yang akan menggantikan piawai emas. Huraikan bagaimana sistem Bretton Wood berfungsi, dan secara ringkas berikan kebaikan dan keburukan sistem ini.
- [6 markah]
- (c) Pada September 25, 1999, Jurong Chemical, sebuah firma berpangkalan di Singapura, menjual S\$2,500,000 racun pertanian kepada Pakistani AgriChem, yang akan dibayar dalam masa tiga bulan di Overseas Chinese Banking Corp. di Singapura. Jualan tersebut dibuat dalam rupee Pakistan ketika rupee diniagakan pada kadar 36.56 rupee untuk satu dollar Singapura. Pada Oktober 22, 1999, akibat daripada satu tindakan Bank Pusat Pakistan, nilai rupee jatuh kepada 40.22 untuk satu dollar Singapura.
- (i) Berapakah peratusan kejatuhan nilai rupee berbanding dollar Singapura?
- (ii) Berapakah kerugian dalam dollar Singapura yang ditanggung oleh Jurong Chemical? Bilakah kerugian ini dialami?
- (iii) Adakah kerugian dalam (ii) di atas berpunca dari kerugian transaksi, translasi, atau operasi? Jelaskan.
- [8 markah]

Soalan 2

- (a) Kenapakah tebaran hadapan lebih besar bagi matawang yang kurang diniagakan berbanding matawang yang diniagakan secara aktif?
- [3 markah]
- (b) Apakah perbezaan di antara kesan serta merta dan kesan jangka panjang pelaburan langsung oleh pelabur asing ke atas akaun imbalan pembayaran sesuatu negara, apabila pelaburan langsung tersebut dilakukan dalam aktiviti berasaskan eksport seperti carigali minyak. Adakah terdapat perbezaan jika industri di mana pelaburan langsung tersebut dibuat merupakan satu industri pembuatan satu produk yang pada sebelumnya, negara tersebut mengimpot produk tersebut?
- [10 markah]

[AFP365]

- (c) Kedua-dua Malaysia dan Thailand menghasilkan durian D4. Satu kilogram buah tersebut dijual di Malaysia pada harga RM18. Durian yang sama dijual di Thailand pada harga B100.
- (i) Berdasarkan pariti kuasa membeli, berapakah kadar serta-merta ringgit Malaysia/baht Thailand yang sepatutnya?
 - (ii) Katakan harga durian D4 di Malaysia dijangka naik kepada RM20 tahun depan, manakala harga buah yang sama di Thailand dijangka naik kepada B118. Jika begini halnya, berapakah kadar hadapan satu-tahun ringgit/baht?
 - (iii) Berdasarkan jawapan anda dalam i dan ii di atas, dan andaian bahawa kadar faedah di Malaysia adalah 6% bagi nota satu-tahun, berapakah kadar faedah semasa di Thailand yang anda jangkakan?

[7 markah]

Soalan 3

- (a) Pada awal 1990an banyak pengilang-pengilang Taiwan, terutama dalam industri semi-konduktor dan elektronik, membuka kilang di Asia Tenggara terutamanya di Malaysia dan Thailand, sebagai satu cara untuk melindungi nilai terhadap pendedahan operasi jika meneruskan pengeluaran di Taiwan.
- i. Apakah yang telah menyebabkan trend ini, dan bagaimanakah suasana sektor pengeluaran di Asia Tenggara beroperasi?
 - ii. Apakah andaian-andaian yang kritikal supaya strategi ini berkesan sebagai satu cara melindungi nilai?
 - iii. Sejauh manakah andaian-andaian ini boleh disandarkan untuk jangka masa panjang?

[10 markah]

- (b) Kadar serta-merta semasa bagi Guilder Belanda dan dollar US ialah NGL1.9200/\$. Kadar hadapan tiga-bulan ialah NGL1.9000/\$. Anda percaya dalam masa tiga bulan, kadar serta-merta akan menjadi NGL1.8800/\$, dan anda mempunyai \$100,000 untuk membuat spekulasi. Sebarang bank yang berurusan dengan anda dalam transaksi pasaran hadapan mensyaratkan 100% margin; iaitu, anda dikehendaki menandatangani amaun transaksi anda ke dalam sijil deposit.

Tunjukkan dua kaedah berbeza spekulasi, dan kira keuntungan dalam dollar bagi setiap kaedah. Andaikan kadar faedah tiga-bulan bagi deposit dan peminjaman dalam guilder ialah 4% setahun dan 8% setahun dalam dollar. Bagi setiap kaedah spekulasi, terangkan risiko-risiko yang terlibat.

[10 markah]

... 4/-

Soalan 4

- (a) Kenapakah terdapat 'ketersasaran' dalam pariti kuasa membeli walaupun hukum satu harga bagi setiap komoditi adalah benar. [6 markah]
- (b) Seorang pelabur memiliki satu bon 'dual-currency' franc Switzerland/dollar Amerika pada 8.5 peratus, yang membayar \$666.67 pada tarikh matang bagi setiap SF1,000 nilai par. Berapakah tukaran tersirat SF/\$ pada tarikh matang? Adakah pelabur untung atau rugi pada tarikh matang jika tukaran sebenar SF/\$ ialah SF1.35/\$1.00? [7 markah]
- (c) Guanabara Cerveja, S.A, sebuah firma Brazil yang membuat minuman ringan, diambilalih oleh Coca Cola, sebuah firma Amerika Syarikat. Kunci kira-kiranya, dalam reals Brazil (R\$), bagi Januari 1, 1999 ditunjukkan di bawah. Kadar tukaran pada tarikh tersebut ialah R\$1.0546/US\$.

Aset		Liabiliti dan ekuiti pemilik	
Tunai	R\$120,000	Liabiliti semasa	R\$100,000
Akaun belum terima	240,000	Hutang jangka panjang	180,000
Inventori	180,000	Ekuiti biasa	580,000
Aset tetap	320,000		
	<u>R\$860,000</u>		<u>R\$860,000</u>

- i. Berapakah sumbangan Guanabara kepada pendedahan translasi syarikat induknya pada Januari 1, 1999, menggunakan kaedah kadar semasa? (Berikan jawapan dalam kedua-dua matawang)
- ii. Kira kerugian translasi yang akan dialami oleh syarikat induknya jika kadar tukaran pada Dec 30, 1999 adalah R\$1.2500/US\$. Andaikan semua akaun tidak berubah sepertimana pada awal tahun.

[7 markah]

Soalan 5

- (a) Apakah yang dimaksudkan dengan pusat perbankan pesisir pantai? Bincang dengan menerangkan secara ringkas perkembangannya, fungsinya, dan aktiviti-aktivitinya, serta berikan 5 contoh pusat perbankan pesisir pantai. [6 markah]
- (b) Peniaga-peniaga adalah pihak yang penting dalam transaksi swap. Dalam menjalankan tugas, mereka terdedah kepada beberapa jenis risiko. Bincang lima jenis risiko yang dihadapi oleh peniaga-peniaga ini dalam pasaran swap.

[6 markah]

...5/-

[AFP365]

- (c) Sepasang suami-isteri yang baru berkahwan, En. dan Puan Lee dari Singapura, bercadang untuk berbulan madu di Pulau Pinang dalam masa tiga bulan lagi. Selepas mengira makanan, lojing dan pengangkutan, mereka menjangkakan kos keseluruhan bulan madu tersebut sebanyak RM5,000. Mereka tahu kadar tukaran asing antara ringgit Malaysia dan dollar Singapura adalah tidak stabil akhir-akhir ini, jadi mereka terpaksa melindungi nilai terhadap sebarang perubahan dalam S\$/RM. Setelah membuat sedikit penyelidikan, mereka mendapat maklumat-maklumat berikut; kadar serta-merta adalah S\$0.60/RM, kadar hadapan 3-bulan adalah S\$0.63/RM, opsyen panggilan 3-bulan ke atas RM mempunyai kadar gunahak S\$0.64/RM untuk premium sebanyak S\$0.05 bagi setiap RM, kadar faedah 3-bulan adalah 6 peratus di Singapura, dan 4 peratus di Malaysia. Mereka menjangkakan kadar serta-merta masa depan sama dengan kadar hadapan.
- i. Kira jangkaan kos dalam dollar Singapura untuk membeli RM5,000 jika mereka memilih untuk melindungi nilai dengan cara membeli opsyen panggilan RM.
 - ii. Kira jangkaan kos dalam dollar Singapura untuk membeli nilai ringgit yang sama jika mereka melindungi nilai menggunakan kontrak hadapan.
 - iii. Pada kadar serta-merta masa depan berapakah mereka akan merasa puas sama antara pelindung nilai pasaran hadapan dan pasaran opsyen?

[8 markah]

Soalan 6

- (a) Kenapakah anda fikir pasaran niagaan ke depan dibangunkan apabila bank sudahpun menawarkan kontrak hadapan? Apakah yang pasaran niagaan ke depan matawang tawarkan yang kontrak hadapan tidak tawarkan? Sebagai seorang pelindung nilai, yang manakah antara kedua-dua di atas yang anda akan pilih, dan kenapa?
- [6 markah]
- (b) Berapakah ganjaran jika anda (i) membeli dan (ii) menjual satu opsyen panggilan, dengan mengandaikan tiada sebarang kos transaksi? Lukis dan labelkan profilnya.
- [4 markah]
- (c) Malaysia telah memancarkan ringgit kepada dollar Amerika sejak September 1998. Bincangkan kebaikan dan keburukan tindakan tersebut. Pada pendapat anda, adakah pembuat polisi negara membuat keputusan yang tepat untuk memancarkan ringgit? Berikan penilaian anda terhadap kejayaan polisi ini setakat ini dengan memberikan contoh atau bukti yang anda tahu.

[10 markah]